



1. JAWATAN	: JURUTEKNIK PEMELIHARAAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.4 EB.5 (\$2,340 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Penyiaran / Kejuruteraan Sistem Komputer atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Juruteknik Pemeliharaan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 4 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNIK PEMELIHARAAN KANAN:

1. Bertanggungjawab secara langsung kepada Jurutera yang berkenaan di Jabatan Radio Televisyen Brunei.
2. Bertanggungjawab ke atas hal ehwal perkembangan dan pengurusan sumber tenaga manusia di dalam Unit di bawah kawalannya.
3. Memastikan peralatan-peralatan yang digunakan terpelihara serta berfungsi dan bertanggungjawab dalam satu-satu bidang khusus atau fungsi-fungsi sesebuah Bahagian / Seksyen / Unit di Bahagian Kejuruteraan seperti berikut:
 - Unit Siaran Luar
 - Satelit dan pemancaran
 - Perkhidmatan Bangunan dan Elektrikal
 - Studio dan Rakaman Tv
 - Audio dan Studio Radio
 - *Group Technology*
4. Bertanggungjawab bagi mengawasi kakitangan dan kerja-kerja pemeliharaan.
5. Memastikan perkhidmatan yang dipohonkan oleh Bahagian yang berkenaan dengan hal ehwal penerbitan dan rancangan dapat disediakan.
6. Mengawasi projek-projek yang berkaitan dengan Bahagian / Seksyen / Unit masing-masing.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.